

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATUK DR. JEFFREY GAPARI
KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : **01 DISEMBER 2021 (RABU)**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan konsisten dengan Matlamat Keluarga Malaysia, Dasar Kemakmuran Bersama dan Objektif Kerajaan untuk menumpukan pembangunan yang seimbang Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia, kenapa Kerajaan tidak mengagihkan dana pembangunan untuk Semenanjung:Sabah:Sarawak dengan nisbah 50:25:25 dalam RMK-12 dan Bajet 2022 supaya Sabah dan Sarawak berpeluang mengejar pembangunan yang sama seperti Semenanjung.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep dan falsafah Keluarga Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Malaysia Ke-9 dalam ucapan sulung beliau pada 22 Ogos 2021. Di bawah konsep ini, terdapat tiga (3) nilai yang dijadikan panduan iaitu keterangkuman (*inclusivity*), kebersamaan (*common ground*) dan kesyukuran (*contentment*). Manakala, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) pula adalah dasar pembangunan negara bagi

mencapai tiga (3) objektif utama iaitu menstruktur ekonomi, menangani ketidaksamaan dan membina negara.

2. Intipati di dalam Bajet 2022 dan RMKe-12 dengan jelas menggariskan pelaksanaan menyeluruh yang mengambil kira asas-asas keterangkuman Keluarga Malaysia. Kerajaan berusaha untuk menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, pembangunan wilayah dan rantai bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan. Usaha untuk menangani ketidaksamaan ini adalah termasuk untuk memastikan pembangunan yang seimbang di Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.

3. Peruntukan Bajet 2022 yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan pada 29 Oktober 2021 tidak mengepikan kepentingan pembangunan di Sabah dan Sarawak. Bagi peruntukan pembangunan, Kerajaan di dalam Bajet 2022 telah memperuntukan sebanyak **RM5.16 bilion untuk Sabah** iaitu **peningkatan sebanyak RM104 juta** daripada tahun 2021.

4. Bagi negeri Sarawak pula, Kerajaan memperuntukan sebanyak **RM4.67 bilion peruntukan pembangunan** iaitu **peningkatan sebanyak RM158 juta** berbanding jumlah peruntukan yang diberikan pada tahun 2021. Jumlah peruntukan pembangunan bagi negeri Sabah dan Sarawak ini merupakan **lebih 20 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan untuk kesemua negeri**.

5. Justeru, perangkaan Bajet 2022 amat menitikberatkan pembangunan dan kesejahteraan kesemua rakyat, tanpa mengira negeri atau kaum, berdasarkan keperluan masing-masing agar semua rakyat bakal mengecapi kemakmuran seperti mana yang ditekankan dalam konsep Keluarga Malaysia dan perancangan jangka masa panjang WKB 2030.

Sekian, terima kasih.